☑ Sinar Harian
☐ Sinar Ahad
Tarikh: 22/4/2012
Hal: Arkad M/S: 426
Ruangan: PENDIDIKAN

SK Bekuai sekolah angkat DPP Petronas

Zulkifli bersama guru dan penuntut UUM yang terlibat dengan program itu.

MOHD IDROS MOHD ALI

PENGKALAN HULU - Sekolah Kebangsaan (SK) Bekuai dipilih sebagai sekolah angkat Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Petronas Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pengetuanya, Dr Mohd Nazri Baharom berkata, pemilihan itu dibuat kerana SK Bekuai mempunyai keunikan dan sejarah tersendiri serta berada dalam kawasan luar bandar.

Menurutnya, melalui perkongsian pintar itu, DPP Petronas akan menyalurkan bantuan dan khidmat nasihat yang diperlukan untuk meningkatkan lagi pencapaian akademik pelajar dan pembangunan sekolah itu secara keseluruhannya.

"Kami akan terus berhubung dengan sekolah untuk melihat keperluan mereka di samping tutup padang bagi mengeratkan hubungan yang sedia terjalin," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan dan pemasangan papan tanda nama sekolah itu di sini semalam.

Penolong Pegawai Pelajaran (PPD) Hulu Perak, Zulkifli Abd Fatah dalam ucapan perasmian berkata, kerjasama SK Bekuai dengan DPP Petronas adalah contoh perkongsian pintar ke arah pencapaian matlamat sekolah berprestasi tinggi (SBT) yang disasarkan kementerian.

Menurutnya, semua sekolah wajar mengadakan kerjasama dengan agensi luar untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman baru bagi membantu meningkatkan prestasi dan pencapaian sekolah.

"Sekolah mempunyai peruntukan yang agak terhad. Melalui kerjasama dengan agensi luar akan membolehkan mereka berkongsi atau mendapat sumbangan melalui program tanggungjawab korporat," katanya.

Sehubungan itu, Zulkifli menyarankan supaya lebih banyak agensi luar tampil membantu sekolah di kawasan luar bandar agar muridnya mendapat pelbagai kemudahan dan dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka.

> **"Sekolah mempunyai peruntukan yang agak terhad. Melalui kerjasama dengan agensi luar akan membolehkan mereka berkongsi atau mendapat sumbangan melalui program tanggungjawab korporat."**
>
> **Zulkifli**

Guru Besar SK Bekuai, Rakiah Wasin berkata, hubungan yang terjalin antara kedua-dua pihak semakin erat apabila mereka saling kunjung mengunjungi dan berkongsi pelbagai maklumat untuk kepentingan murid dan sekolah.

"Kami pernah berkunjung ke UUM dan menginap di DPP Petronas secara percuma. Ramai murid yang terutu ketika berada di sana apabila mendapat pengalaman baru di sebuah institusi pengajian tinggi awam yang terkenal," katanya.

Zulkifli (tiga, kanan) bergambar bersama tetamu selepas merasmikan papan tanda SK Bekuai.